

## Konsonan Arab Berdasarkan Konsep Ansur Maju dalam Pembelajaran Sebutan Peringkat Awal Pembelajaran

### *Arabic Consonants Based on the Concept of Learning Progression in the Early Stages of Learning Pronunciation*

Zarima Mohd Zakaria<sup>1\*</sup>, Nik Mohd Rahimi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

e-mail: zarima@upsi.edu.my

#### Abstrak

Konsonan Arab dari aras sebutan mudah ke aras sebutan sukar mengikut konsep ansur maju. Susunan konsonan mengambil kira dari aspek kefasihan sebutan *makhraj* dan sifat huruf. Nilai kefasihan sebutan pula mengambil kira aspek fonetik lidah Melayu yang mengamalkan budaya dwibahasa dalam pertuturan. Kajian melibatkan 400 orang murid tahun satu Sekolah Kebangsaan dalam daerah Klang yang mengikut kurikulum standard sekolah rendah (KSSR) dengan menggunakan satu set ujian sebutan konsonan Arab berasaskan kaedah *al-Khalil* iaitu kaedah menyebut huruf dengan membariskan *fathah* (baris atas) huruf pertama dan mematikan huruf kedua seperti /بُف/. Set ujian ini juga mendahulukan konsonan yang berada di dua bibir daripada konsonan yang berada pada kedudukan rongga rengkung kerana menyebut huruf yang berada pada kedudukan *makhraj* yang boleh dilihat dan disentuh adalah lebih mudah disebut dan diikuti berbanding konsonan yang berada pada *makhraj* yang tersembunyi seperti anak tekak. Dapatan kajian menunjukkan 17 konsonan Arab berada pada tahap fasih dan 11 konsonan berada pada tahap sederhana fasih. Bagaimanapun kajian ini mendapati tiada konsonan yang berada di tahap tidak fasih. Oleh itu, susunan konsonan Arab secara ansur maju ini disarankan dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah Malaysia.

**Kata kunci** *konsonan Arab, konsep ansur maju, peringkat awal pembelajaran*

#### Abstract

*Arab consonant pronunciation from easy to difficult level designation in accordance with the concept of progression. Consonant structure taking into account the aspects of fluency and articulation designation letter nature. Fluency value terms, however, took into account the phonetic aspect of a culture of the Malay tongue bilingual in speech. This study involves students in a daily national school curriculum primary standard (KSSR). This study uses a set of 400 consonant pronunciation test-based Arabic Al-Khalil methods, namely the mention of letters with the first letter fathah fielding and off the second letter as بُف. This test set is also advancing consonants in the two lips of consonants gullet cavity positioned for pronouncing letters makhraj ranks that can be seen and touched is easier to pronounce and consonants are followed than in the hidden makhraj as uvula. The results showed 17 Arabic consonants are at their fluent and 11 consonants are moderately fluent. However, this study found no consonants are not fluent level. Therefore, the order of progression Arab consonant is recommended to apply it in teaching and learning Arabic in Malaysian schools.*

**Keywords** *Arabic consonant, concept of progression, the initial stages of learning*

## PENGENALAN

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebutan merupakan satu juzuk daripada ilmu fonetik atau *ilmu Aswat* yang akan membahaskan tentang pengeluaran gelombang suara dalam membentuk bunyi bahasa. Secara umumnya, menyebut perkataan dan membunyikan huruf-huruf berkait rapat dengan kemahiran mendengar dan bertutur. Ini kerana kedua-dua kemahiran tersebut melalui proses pengaliran gelombang suara untuk berfungsi. Peti suara menghasilkan gelombang bunyi semasa bertutur manakala telinga akan menerima gelombang bunyi tersebut untuk mendengar. Aktiviti menyebut huruf merupakan gabungan beberapa proses yang kompleks. Ia melibatkan kemahiran pengamatan penglihatan yang diskriminatif dalam mengenal dan membezakan bentuk-bentuk huruf. Kemudian diikuti proses mengingat, mendengar bunyi huruf serta dapat membezakan bunyi-bunyi dengan tepat dan jelas. Dalam proses menyebut bunyi-bunyi itu pula kita dilatih untuk mengenalpasti setiap lambang huruf menghasilkan bunyi yang berbeza dan gabungan huruf-huruf tersebut dapat membentuk perkataan yang mempunyai makna sehingga boleh difahami apabila didengar, dilihat dan disebut. Sebutan fasih adalah apabila dapat menggerakkan organ pertuturan pada daerah sebutan yang betul (*makhraj*) dan mempunyai ciri-ciri huruf tertentu apabila dilafazkan. Pengetahuan tentang menggerakkan lidah pada *makhraj* yang betul serta mengenalpasti udara yang keluar dari jenis agresif mahupun ingresif membantu menyebut huruf dengan fasih.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Guru harus menyedari hakikat bahawa perkembangan diri kanak-kanak sebenarnya tidak serupa. Oleh yang demikian, kanak-kanak harus dilayan mengikut keperluan psikologi mereka yang sebenar. Semua perancangan yang melibatkan aktiviti, kandungan, pemilihan bahan, strategi pengajaran dan sebagainya harus sesuai dengan perkembangan diri kanak-kanak ketika itu. Guru harus memikirkan tentang tahap kemampuan berfikir, pembinaan konsep-konsep, keperluan mewujudkan suasana konkrit daya ingatan dan sebagainya yang sebenarnya sentiasa terlibat dalam proses pembelajaran. Menurut prinsip ini, mengajarkan seseorang kanak-kanak tentang sesuatu yang belum sampai masanya akan memakan masa yang panjang daripada mengajar seseorang kanak-kanak tentang sesuatu yang bersesuaian dengan kemampuannya. Ini bermaksud bahawa faktor kemampuan dan kematangan dalam pembelajaran adalah penting. Biasanya kanak-kanak tersebut mempunyai motivasi yang lebih tinggi untuk belajar.

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1993), terdapat beberapa ciri-ciri penting untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah. Antaranya ialah pembelajaran harus berasaskan minat, umur, kecenderungan, keupayaan mental, emosi dan sosial murid. Kandungan perlu mengikut peringkat, disusun atur dan disampaikan mengikut keperluan. Keadaan ini perlu mengambil kira prinsip-prinsip pembelajaran yang lain melibatkan pergerakan daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks, daripada yang di dalam pengalaman kepada yang di luar pengalaman, daripada yang dekat kepada yang jauh, daripada yang konkrit kepada yang abstrak dan sebagainya. Prinsip pembelajaran ini dinamakan prinsip ansur maju.

Prinsip ansur maju ini ialah salah satu dari unsur teori pembelajaran kognitif. Prinsip ini menganjurkan pembelajaran dimulakan dengan perkara-perkara mudah terlebih dahulu kepada murid berbanding perkara yang sukar (Nik Mohd Rahimi Harun Baharudin, Ghazali Yusri, Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi, 2010). Berhubung dalam pembelajaran sebutan konsonan Arab, pelajar mudah menyebut konsonan-konsonan Arab yang hampir dengan konsonan bahasa Melayu seperti konsonan Arab (ب) dan konsonan Melayu (B). Manakala konsonan Arab (ث) kebanyakan murid agak sukar menyebutnya bahkan membunyikan dengan konsonan (س) yang hampir dengan konsonan Melayu (S). Ini berlaku kerana konsonan Arab tersebut tidak terdapat dalam konsonan bahasa Melayu, dan membunyikan dengan konsonan-konsonan yang hampir bunyinya. Kesan daripada kesalahan sebutan tersebut sebenarnya membawa implikasi besar dalam pembelajaran kefahaman kosa kata Arab juga dari aspek kemahiran membaca. Sebagai contoh kesalahan menyebut konsonan (ق) dalam perkataan (قلب) yang bermaksud hati, telah disebut sebagai (كلب) iaitu 'anjing'. Kesalahan menyebut konsonan *Qaf* kepada konsonan *Kaf* yang hampir dengan bunyi konsonan (K) bukan sahaja menunjukkan kesalahan sebutan tetapi ia juga membawa kesalahan maksud. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada aplikasi konsep ansur maju dalam pembelajaran sebutan konsonan Arab iaitu mendahulukan konsonan-konsonan

Arab yang mudah disebut oleh murid berbanding konsonan yang dinisbahkan sebagai konsonan yang sukar disebut dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Penekanan kepada penguasaan sebutan konsonan Arab perlu diberi penekanan pada peringkat awal pembelajaran bahasa Arab lagi supaya kesalahan tersebut tidak berlaku pada peringkat pengajian seterusnya.

## SISTEM SUSUNAN KONSONAN ARAB

Konsonan-konsonan Arab yang digunakan dalam *mashaf* al-Quran adalah berjumlah 29 konsonan. Konsonan-konsonan ini dinamakan huruf Hijaiyyah yang terbahagi kepada dua iaitu; huruf *Qamariyah* dan huruf *Syamsiyah* (Ismail Tekan, 1993). Walau bagaimanapun, sebahagian ulama berbeza pendapat mengenai bilangan konsonan Arab. Mengikut Abdul Rahman Rukaini (2002: 13) sebahagian ulama' menetapkan huruf-huruf al-Quran sebanyak 28 sahaja. Ini kerana mereka mereka tidak mengira huruf *alif* sebagai salah satu huruf konsonan, tetapi *alif* dikira sebagai huruf mad atau vokal.

### 1. Huruf Hijaiyyah

Lakaran sejarah membuktikan bahawa huruf Hijaiyyah telah mengalami beberapa proses perkembangan dari segi bentuk dan susunan. Menurut Fahd Khalil (2008) huruf-huruf Arab pada mulanya tidak mempunyai titik dan baris atau harakat, sehingga Abu Al-Aswad Ad-Dauli telah membahagikan huruf-huruf Arab kepada dua bahagian iaitu pertama *Muhmalah* atau huruf-huruf yang tidak bertitik dan kedua, *Huruf Mu'jamah* iaitu huruf-huruf yang bertitik. Huruf *Muhmalah* adalah sebanyak tiga belas huruf (13) iaitu; ا، ح، د، ر، س، ص، ط، ع، ك، ل، م، هـ، و. Manakala huruf-huruf *Mu'jamah* adalah sebanyak lima belas huruf (15) iaitu; ب، ت، ث، ج، خ، ذ، ز، ش، ض، ظ، غ، ف، ق، ن، ي.

### 2. Huruf Abjadiyyah

Penyusunan huruf-huruf Arab pada mulanya disusun mengikut sistem susunan *Abjadiyyah*, yang dipecahkan mengikut perkataan: (أبجد، هوز، حطي، كلمن، سعفص، قرشت، ثخذ، ضظغ). Perkataan-perkataan tersebut dipecahkan kepada himpunan konsonan-konsonan seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Susunan konsonan Arab mengikut huruf abjadiyyah

1. أ	} أبج	15. س	} سعفص
2. ب		16. ع	
3. ج		17. ف	
4. د		18. ص	
5. هـ	} هوز	19. ق	} قرشت
6. و		20. ر	
7. ز		21. ش	
		22. ت	
8. ح	} حطي	23. ث	} ثخذ
9. ط		24. خ	
10. ي		25. ذ	
11. ك	} كلمن	26. ض	
12. ل		27. ظ	
13. م		28. غ	
14. ن			

Kesemua 28 konsonan disusun mengikut potongan perkataan adalah bertujuan untuk memudahkan pembelajaran konsonan Arab seperti mana para ulama silam menggunakan sistem akronim dalam kitab-kitab karangan mereka (Al-Makhzumi, 1986).

Huruf Abjadiyyah dikatakan mula diajar pada zaman khalifah ‘Umar al-Khattab tetapi telah diubah pada zaman *al-Hujjaj* oleh *Nasr bin ‘Asim* kepada susunan *Hijaiyyah* atau *Alifbaiy* (*alif ba ta*) sebagaimana yang digunakan hingga kini (Harun Baharudin, 2009). Namun, susunan *Abjadiyyah* tidak dilupakan terus dan penggunaannya terhad seperti mana terdapat pada bilangan muka surat kitab dan kata pendahuluan bagi sesebuah kitab.

Sistem susunan *huruf Hijaiyyah* yang mengandungi 29 konsonan telah disusun berdasarkan persamaan bentuk secara grafik. Contohnya bentuk huruf *Ba Ta* dan *Tha* mempunyai persamaan bentuk hanya dibezakan titik sahaja. *Ba* bertitik satu dibawah /ب/, *Ta* bertitik dua di atas /ت/ dan *Tha* bertitik tiga di atas /ث/. Perletakan titik pada konsonan-konsonan tertentu bertujuan bagi memudahkan mengenal setiap konsonan dan membezakan setiap satunya. Begitu juga huruf-huruf yang lain. Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini konsonan yang tidak mempunyai titik dinamakan huruf *Muhmalah*, dan konsonan yang bertitik dinamakan *Mu’jamah*. Susunan konsonan-konsonan Arab bermula dari arah kanan ke kiri berlawanan dengan susunan konsonan huruf roman yang dilakarkan dari arah kiri ke kanan, seperti:

أ، ب، ت، ث، ج، ح، خ، د، ذ، ر، ز، س، ش، ص، ض، ط، ظ، ع، غ، ف، ق، ك، ل، م، ن، هـ، و، ي

Susunan huruf *Hijaiyyah* atau *Alifbaiy* bermula dengan konsonan Alif (أ) kerana merujuk kepada sistem susunan *Abjadiyyah* yang bermula dengan huruf *Alif* sebagai konsonan pertama. Huruf *Alif* merupakan konsonan yang berada di kedudukan pangkal rongga rengkung (اقصى الحلق), dan kebanyakan mendahulukan konsonan *Alif* kerana mudah disebut. Sebagaimana huruf *Alif* didahulukan pada susunan *Abjadiyyah* begitu juga konsonan *Ba* yang berada pada kedudukan kedua dalam sistem susunan *Alifbaiy*. Kedudukan konsonan *Ta* pada tempat ketiga adalah kerana konsonan *Ta* lebih banyak digunakan daripada konsonan *Tha* mengikut ‘*Uruf* (situasi) Arab.

### 3. Huruf *Al-Sawti* atau *al-Makhraji*

Selain susunan *Hijaiyyah* dan *Abjadiyyah*, terdapat satu lagi bentuk penyusunan konsonan Arab iaitu susunan *al-Sawti* atau *al-Makhraji*. Pengasas susunan *al-Makhraji* ini adalah al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi yang mengutamakan *makhraj* huruf iaitu mengikut tertib susunan yang lebih semula jadi iaitu menekankan pengajaran yang berasaskan sistem organ sebutan atau alat artikulasi (Harun Baharudin, 2008).

Menurut susunan ini, konsonan pertama ialah konsonan yang lebih jauh tempat keluarnya. Ketika Al-Khalil sedang menyusun istilah untuk dimuatkan dalam *mu’jam* atau ensiklopedia karangannya, beliau tidak menyusun istilah pertama mengikut huruf *Alif* kerana tidak suka dimulai dengan huruf vokal. Kemudian beliau terpandang konsonan *Ba* sebagai huruf kedua selepas *Alif*, namun tidak termasuk dalam pemikirannya. Lalu beliau mengambil keputusan untuk memulakan penyusunan istilah berdasarkan konsonan ‘*Ain* kerana konsonan itu yang keluar dari organ rengkung (الحلق) dan berakhir di dua bibir (الشفتين). Maka susunan mengikut *makhraj* adalah seperti berikut:

ع، ح، هـ، خ، غ، ق، ك، ج، ش، ص، ض، س، ز، ط، د، ت، ظ، ذ، ث، ر، ل، ن، ف، ب، م، ي، و، أ

Kesimpulannya, sejarah penyusunan huruf-huruf Arab telah melalui tiga kali perubahan iaitu zaman *Abjadiyyah*, *Hijaiyyah* atau *Alfabaiyyah* dan *al-Makhraji*. Susunan huruf bahasa Arab pada masa sekarang berdasarkan urutan alfabet *Alifbaiy* (ألفبائي) iaitu disusun mengikut bentuk aksara yang sama. Susunan konsonan ini tidak mengikut urutan daerah sebutan sebagaimana yang disusun oleh al-Khalil (Al-Makhzumi, 1986) iaitu bermula dari daerah sebutan rongga rengkung sehingga daerah sebutan bibir.

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam konteks pembelajaran sebutan, pelajar seharusnya mempelajari konsonan-konsonan yang paling mudah disebut sebelum mempelajari konsonan yang sukar disebut. Menurut Al-Sayuti beliau menyenaraikan tiga huruf vokal *Alif, Wau* dan *Ya* sebagai vokal yang sering digunakan oleh masyarakat Arab kerana mudah sebutannya. Manakala konsonan *Zho, Zal, Tha, Syin, Qaf, Ha, 'Ain, Nun, Lam, Ro, Ba* dan *Mim* (ظ, ذ, ث, ش, ق, ح, ع, ن, ل, ر, ب, م) adalah konsonan yang digolongkan sebagai konsonan yang agak berat untuk disebut (Al-Sayuti t.th).

Penyusunan konsonan Arab sebanyak 28 huruf telah disusun secara *Alifbaiy* pada zaman *al-Hujjaj* oleh Nasr bin 'Asim (Surur Shihabuddin, 2010). Susunan yang dimulai dengan vokal *Alif* dan diakhiri dengan huruf *Ya* adalah yang diguna pakai oleh masyarakat Malaysia sehingga ke hari ini. Susunan konsonan tersebut disusun mengikut asas persamaan bentuk dan rupa seperti (ب, ت, ث), (ج, ح, خ) dan seterusnya. Namun, berdasarkan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa Arab dan Al-Quran, penyusunan semula konsonan-konsonan Arab perlu dilakukan dari sudut kedudukan *makhraj* dan sifatnya dengan mengambil kira pendekatan menyebut huruf yang paling mudah ke sebutan huruf yang paling sukar. Ini sejajar dengan pendekatan pengajaran bahasa bermula dari peringkat mudah ke peringkat sukar. Menurut Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Mohd Aderi Che Noh (2006) mengenai pendekatan yang digunakan untuk mengajar adalah pelbagai, misalnya daripada konkrit kepada abstrak, daripada mudah kepada kompleks, daripada keseluruhan kepada bahagian, daripada umum kepada khusus, daripada spesifik kepada umum, daripada dekat kepada jauh dan daripada diketahui kepada belum diketahui. Justeru, penilaian semula susunan konsonan dari sudut *makhraj* dan sifat huruf adalah fokus kajian ini.

Sistem penyusunan konsonan Arab *Alifbaiy* disusun berdasarkan kesesuaian lidah Arab, tetapi sebaliknya berlaku kepada pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Penyusunan konsonan *Alifbaiy* yang diguna pakai sehingga sekarang tidak menepati konsep pembelajaran secara bertahap atau berperingkat iaitu dimulai dengan peringkat mudah, sederhana mudah dan sukar (Nik Mohd Rahimi *et al.*, 2010).

Sebagai contoh konsonan (ث) terletak pada kedudukan keempat selepas konsonan (ب) (ا). Jika dilihat dari aspek bentuk konsonan, huruf (ث) amat sesuai pada susunan keempat kerana mempunyai titik tiga selepas konsonan (ت) yang bertitik dua dan konsonan (ب) yang bertitik satu. Namun, dari sudut fonetik atau daerah sebutan bagi lidah Melayu konsonan (ث) tidak wujud dalam sistem sebutan bahasa Melayu dan bunyi konsonan (ث) agak asing bagi mereka. Dengan itu, pelajar Melayu memerlukan masa yang agak panjang bagi berlatih menyebut konsonan-konsonan yang tiada dalam bahasa ibunda mereka. Justeru, sistem susunan konsonan Arab *Alifbaiy* perlu dikaji atas faktor kesesuaian konteks pengajaran dan pembelajaran yang berubah mengikut budaya dan etnik sesuatu tempat (Kamarul Shukri, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod, 2009).

Selain itu, sistem susunan mengikut tahap mudah kepada yang lebih kompleks adalah merupakan salah satu dari unsur teori pembelajaran kognitif, iaitu menganjurkan pembelajaran dimulakan dengan perkara mudah terlebih dahulu. Konsep ini perlu diberikan penekanan, kerana konsep ini berkaitan dengan motivasi pembelajaran bahasa kedua, lebih-lebih lagi pada peringkat awal kanak-kanak. (Sulaiman Ngah Razali, 1997).

Begitu juga dalam pembelajaran konsonan, pelajar perlu menguasai huruf yang lebih dekat dengan konsonan bahasa Melayu berbanding konsonan yang asing kepada bahasa Melayu. Namun, realitinya kebanyakan kanak-kanak di Malaysia peringkat awal pembelajaran mula belajar konsonan Arab mengikut susunan alfabet *Alifbaiy* tanpa meneliti dari sudut kemudahan sebutan. Kesan daripada pembelajaran stereotaip itu, pelajar-pelajar Melayu hanya pandai mengenal dan membezakan antara konsonan Arab tetapi gagal dalam menyebut konsonan tersebut dengan tepat menepati sifat-sifat huruf serta *makhrajnya*. Justeru, antara tujuan utama kajian ini, adalah untuk menyusun huruf konsonan Arab mengikut pelat Melayu dari sudut *makhraj* dan sifat huruf dengan bermatlamatkan urutan konsep mudah ke sukar atau diistilahkan sebagai konsep ansur maju.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menyusun huruf konsonan Arab mengikut tahap kefasihan murid berdasarkan prinsip ansur maju. Manakala objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti konsonan-konsonan Arab yang sukar disebut oleh murid kesan pengaruh bahasa ibunda.
2. Menyusun konsonan Arab mengikut prinsip ansur maju.

Berdasarkan objektif kajian, dibina soalan kajian, iaitu;

3. Apakah konsonan-konsonan yang sukar disebut oleh murid?; dan
4. Apakah susunan huruf konsonan Arab mengikut prinsip ansur maju? Dua persoalan ini yang akan dijawab oleh kajian ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk deskriptif dalam mengumpul data kuantitatif iaitu untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan tahap kefasihan sebutan konsonan berasaskan *makhraj* dan sifat huruf. Kajian ini menggunakan satu set ujian sebutan konsonan Arab yang diadaptasi dari kaedah Al-Khalil dan disusun konsonan-konsonan tersebut mengikut prinsip ansur maju iaitu mendahulukan *makhraj* yang mudah disebut daripada *makhraj* yang agak kompleks. Susunan konsonan bermula pada *makhraj* yang berada di bibir iaitu konsonan ( ب ) adalah konsonan yang mudah dilihat cara penyebutan guru untuk diajuk. Manakala *makhraj* organ rengkung iaitu konsonan ( ) merupakan konsonan yang agak sukar dilihat dan diajuk oleh murid. Ujian ini mengandungi 28 sebutan huruf konsonan yang dimatikan (disukunkan) dengan menggunakan huruf alif (hamzah) untuk menyebutkannya, contoh: . Ujian ini diadakan di dalam bilik khas dan murid-murid dipanggil seorang demi seorang untuk menjalankan ujian sebutan ini. Sebutan murid-murid akan direkodkan menggunakan alat perakam suara. Sampel kajian terdiri daripada 400 murid tahun satu yang dipilih secara rawak daripada 10 buah sekolah daerah Klang. Kuantiti responden seperti mana yang dicadangkan dalam Jadual Krejcie dan Morgan (1970) dalam Uma Sekaran (1992). Untuk menilai sebutan murid-murid ini, kajian ini menggunakan khidmat dua orang penilai yang berpengalaman dalam ilmu al-Quran dan Qiraat. Penilaian sebutan ini menggunakan skala Likert 5 mata iaitu dari amat tidak fasih hingga amat fasih. Penilai akan menandakan tahap kefasihan sebutan murid dalam satu set jadual penilaian. Nilai interpretasi skor min untuk tahap sebutan yang tidak fasih ialah (min=1.00 – 1.66), nilai interpretasi skor min untuk tahap sebutan konsonan yang sederhana fasih ialah (min=1.67 – 3.33), manakala nilai interpretasi skor min untuk tahap sebutan konsonan yang fasih ialah (min=3.34 – 5.00).

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ujian lisan sebutan konsonan Arab menghuraikan data yang dikumpul dan diproses dalam bentuk analisis statistik deskriptif. Berdasarkan data yang diperolehi, ia menunjukkan tahap penguasaan murid tahun 1 peringkat sekolah rendah dalam menyebut konsonan Arab mengikut *makhraj* dan sifat huruf. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat 17 konsonan berada pada tahap fasih. Jadual 2 menunjukkan huruf-huruf konsonan yang berada pada tahap fasih iaitu; konsonan ( ب ) min=4.36, konsonan ( م ) min=4.35, konsonan ( ن ) min= 4.22, konsonan ( ل ) min= 4.21, konsonan ( ف ) min= 4.18, konsonan ( س ) min= 4.17, konsonan ( ش ) min= 4.14, konsonan ( ء ) min= 4.01, konsonan ( و ) min= 3.99, konsonan ( ز ) min= 3.99, konsonan ( ج ) min= 3.99, konsonan ( ي ) min= 3.99, konsonan ( ك ) min= 3.99, konsonan ( ) min= 3.99, konsonan ( ر ) min= 3.99, konsonan ( د ) min= 3.99, konsonan ( ت ) min= 3.99. هـ

**Jadual 2** Huruf-huruf berada pada tahap fasih

Bil.	Huruf	Min	Tahap Kefasihan
1.	ب	4.36	Fasih
2.	م	4.35	Fasih
3.	ن	4.22	Fasih
4.	ل	4.21	Fasih
5.	ف	4.18	Fasih
6.	س	4.17	Fasih
7.	ش	4.14	Fasih
8.	ء	4.01	Fasih
9.	و	3.99	Fasih
10.	ز	3.92	Fasih
11.	ج	3.88	Fasih
12.	ي	3.77	Fasih
13.	ك	3.70	Fasih
14.	هـ	3.62	Fasih
15.	ر	3.58	Fasih
16.	د	3.57	Fasih
17.	ت	3.35	Fasih

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat 11 konsonan berada pada tahap sederhana fasih. Jadual 2 menunjukkan huruf-huruf yang berada pada tahap sederhana fasih, iaitu huruf konsonan ( ص ) min= 3.19, huruf konsonan ( ق ) min= 3.05, huruf konsonan ( غ ) min= 3.04, huruf konsonan ( ع ) min= 2.97, huruf konsonan ( ح ) min= 2.91, huruf konsonan ( ث ) min= 2.90, huruf konsonan ( ط ) min= 2.89, huruf konsonan ( ذ ) min= 2.85, huruf konsonan ( ض ) min= 2.72, huruf konsonan ( خ ) min= 2.70, huruf konsonan ( ظ ) min= 2.56.

**Jadual 3** Huruf-huruf konsonan yang berada pada tahap sederhana fasih

Bil.	Huruf	Min	Tahap Kefasihan
1.	ص	3.19	Sederhana Fasih
2.	ق	3.05	Sederhana Fasih
3.	غ	3.04	Sederhana Fasih
4.	ع	2.97	Sederhana Fasih
5.	ح	2.91	Sederhana Fasih
6.	ث	2.90	Sederhana Fasih
7.	ط	2.89	Sederhana Fasih
8.	ذ	2.85	Sederhana Fasih
9.	ض	2.72	Sederhana Fasih
10.	خ	2.70	Sederhana Fasih
11.	ظ	2.56	Sederhana Fasih

Dapatan menunjukkan bahawa tiada sebutan konsonan berada di bawah  $\text{min}=1.00$  hingga  $\text{min}=1.66$  iaitu tahap tidak fasih. Justeru itu, tahap penguasaan sebutan konsonan Arab dari aspek makhraj dan sifat huruf berada pada tahap fasih dan sederhana fasih sahaja.

Kesimpulannya, 17 konsonan Arab yang berada di tahap sebutan fasih merupakan konsonan yang mudah disebut oleh murid. Manakala 11 konsonan yang berada di tahap sederhana fasih diinterpretasikan sebagai sebutan yang sukar. Oleh itu, susunan huruf konsonan Arab mengikut prinsip ansur maju iaitu aras sebutan mudah ke sebutan kompleks adalah seperti berikut:

(ب) (م) (ن) (ل) (ف) (س) (ش) (و) (ء) (ث) (ج) (ز) (و) (ء) (ش) (س) (ف) (ل) (ن) (م) (ب)  
(ظ) (خ) (ض) (ذ) (ط) (ث) (ح) (ع)

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian secara umumnya menunjukkan bahawa penguasaan sebutan huruf konsonan Arab daripada aspek *makhraj* dan sifat huruf dalam kalangan murid awal pembelajaran berada pada tahap sederhana fasih. Dapatan juga menunjukkan sebanyak 17 konsonan dapat disebut dengan fasih, manakala 11 baki konsonan berada pada tahap sederhana fasih. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan tiada konsonan yang disebut pada tahap tidak fasih. Ini menunjukkan tahap penguasaan sebutan huruf murid masih boleh diperbaiki untuk mencapai tahap sebutan fasih. Penguasaan sebutan huruf murid pada peringkat awal pembelajaran dilihat dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya pengaruh perbezaan daerah sebutan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Terdapat beberapa konsonan Arab yang tidak terdapat pada daerah sebutan bahasa Melayu seperti rongga rengkung dan anak tekak atau epiglottis contohnya konsonan; (خ) (ح) (ق) (غ) (ع) (Nik Rahimi et al., 2010). Justeru, konsonan tersebut dinyatakan sebagai konsonan sederhana fasih atau antara konsonan yang sukar disebut oleh murid.

Selain daripada daerah sebutan, sifat huruf konsonan Arab juga menyumbang kepada faktor kelemahan penguasaan sebutan huruf. Menyebut huruf hanya pada daerah sebutan sahaja tanpa mengetahui sifat hurufnya membawa kepada kesukaran membunyikan dan membezakan huruf. Berdasarkan dapatan kajian, konsonan yang berada pada aras mudah atau fasih adalah bersifat terang (*majhur*), berbisik (*mahmus*) dan menipis (*muraqqaq*). Manakala konsonan Arab yang berada pada aras sebutan sukar atau pada tahap sederhana fasih adalah bersifat terang (*majhur*), berbisik (*mahmus*) dan menebal (*mufakham*). Justeru sekiranya aspek *makhraj* dan sifat huruf ini dipandang kurang penting dalam pembelajaran sebutan dikhuatiri akan membawa kepada kesalahan sebutan sehingga mengubah makna perkataan. Contohnya huruf konsonan (ق) yang sepatutnya disebut secara *mufakham* (menebal) dibunyikan sebagai konsonan (ك) iaitu bersifat *muraqqaq* (menipis) menyebabkan kesalahan makna pada perkataan (قلب) hati kepada (كلب) iaitu anjing.

Bagi mengatasi masalah ini, latihan yang berterusan sangat penting dalam menyebut konsonan Arab secara fasih menepati pada daerah sebutan (*makhraj*) dan sifat huruf. Guru sepatutnya mendahulukan sifat huruf yang nipis berbanding sifat huruf yang tebal, sifat huruf yang terang (*majhur*) daripada sifat huruf yang berbisik (*mahmus*). Begitu juga daerah sebutan *makhraj* yang mudah dilihat dan diajuk oleh murid seperti bibir, gigi, gusi dan lelangit berbanding daerah sebutan yang berada pada rongga tersembunyi seperti anak tekak. Merujuk kepada dapatan kajian, konsonan yang berada di tahap fasih seperti konsonan (ل) (ن) (م) (ب) masing-masing berada pada kedudukan daerah sebutan mudah dilihat iaitu bibir dan gusi. Manakala konsonan pada aras sukar disebut seperti (ع) dan (ح) berada pada kedudukan rongga anak tekak yang sukar bagi guru menunjukkan cara menyebut kepada murid semasa proses pembelajaran berlangsung.

Sementara itu, huruf konsonan pada aras mudah (fasih) dilihat mempunyai persamaan dengan huruf-huruf konsonan bahasa Melayu. Guru boleh mendahulukan konsonan-konsonan tersebut kerana persamaan sebutan yang hampir dengan bahasa Melayu selaku bahasa ibunda murid memudahkan kemahiran lidah seterusnya dapat menguasai sebutan. Contohnya; 17 konsonan Arab yang berada aras mudah disebut boleh dilatih dengan mudah apabila guru meletakkan abjad bahasa Melayu mewakili sebutan huruf iaitu; konsonan (ب) mewakili huruf B, konsonan (م) dengan huruf M, konsonan (ن) dengan huruf N, konsonan (ل) dengan huruf L, konsonan (ف) mewakili huruf F, konsonan (س) mewakili



huruf S, konsonan ( ش ) mewakili gabungan huruf SY, konsonan ( ء ) dengan huruf A, konsonan ( و ) dengan huruf W, konsonan ( ز ) dengan huruf Z, konsonan ( ج ) dengan huruf J, konsonan ( ي ) dengan huruf Y, konsonan ( ك ) dengan huruf K, konsonan ( هـ ) dengan huruf H, konsonan ( ر ) dengan huruf R, konsonan ( د ) dengan huruf D, konsonan ( ت ) dengan huruf T.

Manakala 11 konsonan yang berada pada aras sukar boleh diwakilkan melalui sistem transliterasi huruf Arab supaya konsonan yang mempunyai persamaan bunyi boleh dibezakan melalui tulisan. Contohnya; konsonan ( ص ) ditransliterasikan sebagai {S} simbol S bertitik di bawah, konsonan ( ق ) ditransliterasikan dengan huruf Q, konsonan ( غ ) ditransliterasikan gabungan huruf GH, konsonan ( ع ) ditransliterasikan sebagai { ' } simbol koma atas, konsonan ( ح ) ditransliterasikan dengan {H} simbol H bertitik di bawah, konsonan ( ث ) ditransliterasikan dengan gabungan huruf TH, konsonan ( ط ) ditransliterasikan dengan {T} simbol T bertitik di bawah, konsonan ( ذ ) ditransliterasikan dengan gabungan huruf DH, konsonan ( ض ) ditransliterasikan dengan [D] simbol D bertitik di bawah, konsonan ( خ ) ditransliterasikan dengan gabungan huruf KH, dan konsonan ( ظ ) pula boleh ditransliterasikan dengan [Z] simbol Z bertitik di bawah. Kesimpulannya dalam konteks aplikasi prinsip ansur maju, guru boleh mendahulukan 17 konsonan aras mudah dengan mewakili huruf roman tunggal sebagai langkah membantu pembelajaran sebutan murid. Manakala 11 konsonan aras kompleks atau sukar boleh menggunakan sistem transliterasi yang menggunakan beberapa gabungan huruf juga simbol-simbol huruf tertentu bagi memudahkan murid membezakan antara sebutan huruf.

## KESIMPULAN

Susunan huruf konsonan ini ialah mengikut konsep ansur maju, iaitu dari huruf yang mudah di ujar dan berakhir dengan huruf yang sukar diujarkan. Susunan ini boleh digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab, khususnya dalam aktiviti sesi latihan menyebut huruf-huruf konsonan Arab sebagaimana yang disarankan dalam kurikulum bahasa Arab KSSR murid tahun 1 pada topik pertama bertajuk huruf *Hijaiyyah*. Pelaksanaan latihan sebutan mengikut susunan ansur maju disarankan kepada guru bermula pada peringkat awal pembelajaran sebagai langkah mengatasi masalah sebutan murid Melayu. Latihan yang tidak berasaskan konsep ansur maju sedikit sebanyak akan melambatkan proses penguasaan ilmu berkenaan dalam kalangan murid. Oleh itu, dengan terbentuk susunan konsonan Arab ini berasaskan konsep ansur maju, ia boleh dijadikan garis panduan kepada penggubal-penggubal Kurikulum Bahasa Arab, serta penulis-penulis buku pembelajaran dalam merangka latihan menyebut konsonan Arab.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Mohd Aderi Che Noh. (2006). Kajian amalan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK 2006, Jilid 11*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Rukaini. (2002). *Tajwid: Meningkatkan mutu qira'ah (Siri Teras 'Ulum Islamiah)*. Semenyih Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- Al-Makhzumi, Mahdi. (1986). *Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi, a'maluhu wa manhajuhu*. Beirut- Lubnan: Dar al-Raid al 'Arabi.
- Fahd Khalil Zayyad. (2008). *Al-huruf ma'aniha, makharijaha, wa aswatuha fi lughatina Al-'Arabiyyah*. Terbitan Pertama. Jordan: Dar Yafa Al-Ilmiyyah dan Dar Al-Janadariyyah.
- Harun Baharuddin. (2009). *Penguasaan sebutan konsonan Arab dari segi makhraj dalam kalangan pelajar prasekolah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia-Bangi.
- Ismail Tekan. (1993). *Ilmu tajwid*. Johor Baharu: Badan Books Store Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin. (1993). *Panduan dan latihan Bahasa Malaysia UKELP / Untuk calon ujian kelayakan pendidikan guru*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, Siri Enggang Fajar Bakti.
- Kamarul Shukri, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. (2009). Strategi metafizik: kesinambungan penerokaan domain utama pembelajaran bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 9(2), 1-13.
- Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin, Ghazali Yusri, Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). Pembelajaran konsonan arab mengikut pelat bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 10(3).

- Robert V. Krejcie & Daryle w. Morgan. (1970). Determining sample size for research activities. *Journal Educational and Psychological Measurement*. 1970, 30, 607-610.
- Sekaran, Uma. (1992). *Research methods for business: A skill building approach*. Second Edition. New York: John Willey & Sons, Inc.
- Sulaiman Ngah Razali. (1997). *Pedagogi teori dan praktikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Surur Shihabuddin bin Hassan. (2010). *Ilmu tajwid menurut riwayat Hafs 'An 'Asim melalui Toriq Asy-Syatibiyyah*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.